



TAMBAHAN PERUNDANGAN

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

P.U. (A) 133/1997

PERINTAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (PERBADANAN) 1997

Tarikh penyiaran : 27 Mac 1997

Tarikh mula berkuat kuasa : 28 Mac 1997

SUSUNAN PERINTAH

Perintah 1. Nama.

Perintah 2. Perbadanan.

BAHAWASANYA seksyen 6 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] memperuntukkan bahawa jika Yang di-Pertuan Agong berpuashati bahawa adalah suaimanfaat demi kepentingan negara supaya suatu Universiti ditubuhkan, dia boleh dengan perintah menubuhkan Universiti itu mengikut subseksyen (1) seksyen tersebut:

DAN BAHAWASANYA Yang di-Pertuan Agong adalah berpuashati bahawa suatu Universiti patut ditubuhkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN menurut kuasa yang diberikan kepadaanya oleh subseksyen 6(1) Akta itu, Yang di-Pertuan Agong dengan ini membuat perintah yang berikut:

1. Nama

Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perbadanan) 1997.**

2. Perbadanan

(1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu yayasan pelajaran tinggi yang mempunyai taraf Universiti, sebagai suatu pertubuhan perbadanan, bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pelajaran tinggi dalam bidang Pengajaran-Pembelajaran Teknologi Maklumat, Sains Kognitif dan Pedagogi, Bahasa Melayu, Matematik, Sains, Pendidikan Khas dan bidang pengajian lain yang perlu, serta juga mengadakan penyelidikan dan pengumpulan dan pemajuan pengetahuan, dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian itu.

(2) Yayasan pelajaran tinggi dalam subseksyen (1) hendaklah dikenali dengan nama dan gelaran “Universiti Pendidikan Sultan Idris”.

(3) Tapak Universiti Pendidikan Sultan Idris di mana Universiti itu akan didirikan, adalah bertempat di Batang Padang, Daerah Tanjung Malim, dalam Negeri Perak.

Dibuat 24 Februari 1997.

[KP (BPG) 9577/170 (10); PN. (PU²) 75/V.]

Dengan Perintah,

DATO’ SRI MOHD. NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK,
Menteri Pendidikan

(Akan dibentangkan dalam kedua-dua Majlis Parlimen menurut subseksyen 6(2) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.)